

# Sistem digital mudahkan proses selenggara fasiliti kediaman pelajar

UB 01.10.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Pengurusan Non Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF) dan UMS Investment (UiNVEST) melancarkan satu sistem digital bagi memudahkan proses aduan pelajar residen berkaitan kerosakan perabot di bilik-bilik pelajar kolej kediaman.

Computerized Maintenance Management System (CMMS) yang dibangunkan itu merupakan sebahagian daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara kedua-dua pihak.

Pelancaran sistem tersebut diadakan dalam satu majlis yang berlangsung secara maya dan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Dalam ucapan perasmiannya, beliau memaklumkan sistem CMMS akan memudahkan proses aduan pelajar residen kolej kediaman sekiranya terdapat kerosakan perabot di bawah selenggaraan syarikat UiNVEST di bilik-bilik pelajar kolej kediaman.

“Dengan adanya sistem ini



**LANCAR:** Antara yang hadir pada sesi pelancaran CMMS dan Food Bank PNRF secara dalam talian.

akan memudahkan seramai 828 pelajar Kolej Kediaman Tun Mustapha dan seramai 896 pelajar Kolej Kediaman Tun Fuad untuk membuat aduan berkaitan dengan pantas sekiranya berkeperluan,” katanya.

Turut berlangsung pada acara tersebut perasmian Food Bank PNRF, yang merupakan satu inisiatif bagi membantu semua pelajar UMS terutama pelajar non residen dalam kategori B40, zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan sebagainya untuk mendapatkan bantuan makanan kering sebagai ringankan beban pelajar yang

berkeperluan.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, pelancaran program Food Bank tersebut adalah sejajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung penekanan kebijakan pelajar yang tinggal di luar kampus seperti terkandung dalam fokus strategik keenam KPT.

“Diharapkan agar usaha murni ini akan diteruskan bagi membantu pelajar UMS sama ada residen atau non residen yang berkeperluan sebagai mendukung slogan UMS sebagai Kampus Rah-

mah,” katanya.

Untuk rekod, sejumlah 708 bukal makanan kering telah diagihkan kepada pelajar non residen yang berkeperluan menerusi 53 sesi serahan ringkas bermula bulan Februari sehingga bulan September tahun ini.

Turut hadir dalam sesi pelancaran tersebut Penydaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Penolong Naib Canselor (Strategik), Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd. Karim; Pemangku Ketua Syarikat UMSiNVEST Holdings Sdn. Bhd., Francis Vincent Ariffin Jr; dan Pengarah PNRF, Hasmi Hashim.